

SIRIM

1979

SHAH ALAM, 10 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGESA SIRIM MEMBANTU USAHA MENGHASILKAN BARANG-BARANG KELUARAN YANG LEBIH SESUAI DENGAN KEADAAN DAN IKLIM TEMPATAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN DARI BARANG-BARANG KELUARAN YANG DATANG DARI NEGARA-NEGARA YANG MAJU TEKNOLOGINYA DIREKA DAN DIBUAT UNTUK NEGARA-NEGARA YANG BERIKLIM SEDERHANA DAN SESUAI DENGAN KEADAAN DI SANA.

BELIAU MEMBERITAHU PEGAWAI-PEGAWAI KANAN SIRIM SETELAH DIBERI TAKLIMAT TENTANG AKTIVITI-AKTIVITI INSTITUT TERSEBUT BAHAWA BARANG-BARANG MEREKA ITU TIDAK SESUAI DENGAN IKLIM NEGARA-NEGARA TROPICAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SANGATLAH MALANG KERANA +KITA SELALUNYA TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA TARAF, PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI, + NEGARA-NEGARA LAIN.

BELIAU MENYATAKAN SEBAGAI CONTOH KERETA-KERETA YANG DIIMPORT KE NEGARA INI MERUPAKAN PENGELUARAN YANG DIREKA SESUAI UNTUK KEGUNAAN DI NEGARA-NEGARA YANG BERIKLIM SEDERHANA. -- BERSAMBUNG 1620/LK

SIRIM 2 SHAH ALAM

KATANYA: +KITA TIDAK SEHARUSNYA MENERIMA APA SAHAJA YANG DATANG DARI BARAT DAN NEGARA-NEGARA ILM SEDERHANA SEBAGAI LENGKAP+.

BELIAU MENEKANKAN PERLU NYA SIRIM MENJALANKAN KERJA PENYELIDIKAN TENTANG PENGELUARAN BARANG-BARANG KELUARAN YANG SESUAI UNTUK KEGUNAAN TEMPATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENCADANGKAN SUPAYA SIRIM MENJALANKAN PENYELIDIKAN BAGI MEMPERBAIKI TEKNIK PENGELUARAN BATIK DAN BARANG-BARANG PERAK DAN TEMBAGA BAGI MEMENUHI KEHENDAK PASARAN PENGGUNA AM.

BELIAU MENAMBAH SETENGAH DARI SISTEM PENGELUARAN BESAR-BESARAN TERPAKSA DIRANCANGKAN SEKIRANYA MALAYSIA INGIN MEMENUHI PESANAN BESAR BAGI PENGELUARAN TERSEBUT DARI PASARAN SEBERANG LAUT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, MEMBERITAHU PEGAWAI-PEGAWAI SIRIM ITU BAHAWA SIRIM MEMPUNYAI PERANAN PENTING BAGI MEMPERBAIKI BARANG-BARANG PENGELUARAN NEGARA.

BELIAU BERKATA SIRIM SEPATUTNYA MEMASTIKAN BAHAWA BARANG-BARANG PENGELUARAN SENTIASA DIPERBAIKI DARI SEGI MUTU, PENGELUARAN DAN UJIAN. -- BERSAMBUNG 1622/LK

SIRIM 3 SHAH ALAM

MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR, TAN SRI ONG KEE HUI BERKATA TUGAS UTAMA SIRIM IALAH UNTUK MENGADAKAN PIAWAIAN MALAYSIA DAN MENGALAKKAN KEGUNAANNYA DAN MENJALANKAN AKTIVITI-AKTIVITI PENYELIDIKAN DALAM BIDANG INDUSTRI.

BELIAU BERKATA SIRIM DALAM PROSESS PERKEMBANGAN TIDAK TERLINDUNG DARI MENGHADAPI MASALAH DAN KESULITAN.

PENGAWAL SIRIM, ENCIK ABDULLAH MOHAMED YUSOF DALAM TAKLIMATNYA BERKATA, DUA PROJEK BARU AKAN DILAKSANAKAN OLEH SIRIM DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT.

PROJEK TERSEBUT IALAH PENUBUHAN TEKNOLOGI PELASTIK BERHARGA \$6 JUTA YANG AKAN MENINGGIKAN PERUSAHAAN PELASTIK TEMPATAN DAN PEMBINAAN PUSAT TEKNOLOGI BESI BAGI MEMBANTU MEMODENKAN PERUSAHAAN ITU.

BELIAU BERKATA PUSAT TEKNOLOGI BESI ITU TELAH DICADANGKAN SUPAYA DIBINA DI IPOH YANG BANYAK TERDAPAT PERUSAHAAN TERSEBUT.

ENCIK ABDULLAH BERKATA SIRIM AKAN JUGA MEMBINA BANGUNAN EMPAT TINGKAT YANG AKAN DILENGKAPKAN DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UJIAN DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA. -- BERSAMBUNG 1758/LK

219

EE

B611:

SIRIM 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SIRIM JUGA MENYERTAI TIGA PROJEK DIBAWAH RANCANGAN KERJASAMA ASEAN/AUSTRALIA.

PROJEK-PROJEK ITU IALAH MENGERINGKAN HAMPAS KELAPA SAWIT UNTUK DIGUNAKAN SEBAGAI MAKANAN BINATANG TERNAKAN DENGAN MENGGUNAKAN TENAGA SURIA, PENGELUARAN ALKOHOL DARI HAMPAS KELAPA SAWIT DAN HAMPAS BAHAN-BAHAN MAKANAN YANG LAIN DAN KEGUNAAN BIOGAS DAN TENAGA SURIA BAGI PERUSAHAAN HAMPAS UBI KAYU.

ENCIK ABDULLAH BERKATA KIRA-KIRA 1,000 PIAWAIAN TELAH DIKELUARKAN OLEH SIRIM DAN DARI ITU 350 TELAH DITERIMA SEBAGAI PIAWAIAN MALAYSIA.

BELIAU BERKATA SEBANYAK 88 PIAWAIAN LAGI SEDANG DISEDIAKAN OLEH SIRIM. — BERNAMA 1800/LK